

Bahagian B**Sistem Bahasa dan Pemahaman Petikan**

25

Ujian 2

1. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i)

Gaya hidup masyarakat hari ini yang mementingkan kekayaan dan kemewahan semata-mata, sedikit sebanyak melunturkan semangat patriotik. Hal ini demikian kerana, masing-masing sibuk dengan urusan sendiri dan tidak menghiraukan hal-hal lain.

(ii)

Ruang di dalam dewan itu telah dipenuhi oleh para ibu bapa dan murid yang dijemput hadir untuk bersama-sama memeriahkan Pesta Pantun pada hari itu. Kemudian, pengerusi majlis meminta semua audien berdiri semasa menyambut kedatangan perasmis majlis.

(iii)

Ayuh, sertai kami! Kejohanan bowling peringkat kolej kini kembali lagi! Penyertaan dibuka kepada semua pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Syarat-syarat penyertaan boleh dirujuk di laman sesawang kami www.kejohananperingkatkolej.com.my.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Suasana mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Putra gemuruh ketika pemilihan ahli jawatankuasa sedang dijalankan.

- (ii) Tahap kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan semua bangunan-bangunan lama masih lemah.

3. Baca petikan-petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petikan 1

"Cikgu, nak hadiah apa pada Hari Guru nanti?" tanya Azizah pada suatu hari di bilik guru.

"Cikgu tak nak hadiah apa-apa daripada kamu. Cukuplah dengan kejayaan kamu yang cemerlang dalam UPSR nanti," kata Cikgu Zaleha dengan lembut dan tenang.

"Saya tetap akan memberi cikgu satu hadiah yang cukup istimewa," janji Azizah pagi itu.

"Tak payahlah Zizah, menyusahkan kamu saja."

"Tak apa, akan saya belikan juga hadiah yang menarik."

Namun, sampai kini Azizah tidak tahu hadiah apa yang boleh dibelinya. Fikirannya buntu. Perasaannya menjadi hiba apabila memikirkan rakan-rakannya yang telah siap dengan hadiah masing-masing. Mahal-mahal belaka. Yang menambahkan kerisauannya lagi ialah sambutan Hari Guru semakin hampir.

(Dipetik daripada cerpen 'Hadiah', antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Petikan 2

"Ada cikgu bagi. Cikgu Hamimi kata hari ini hari jadi Fiqah. Cikgu itu baik orangnya. Fiqah suka. Cikgu Hamimi kata hendak bagi hadiah. Cikgu Hamimi suruh emak datang ambil hadiah esok," beritahu anakku.

Aku akhirnya bergegas ke bilik mencari sijil kelahiran Lailatul Afiqah. Memang benar hari itu merupakan hari ulang tahun kelahiran Lailatul Afiqah. Bagaimanakah aku boleh terlupa akan tarikh istimewa itu? Aku berasa terharu kerana masih ada cikgu yang mengambil perhatian. Kuingatkan semua cikgu di sekolah itu hanya mementingkan diri. Rupa-rupanya tidak.

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Setitis Budi Semarak Kasih',
Dewan Siswa, April 2012)

- (i) Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2, nyatakan cara-cara Cikgu Zaleha dan Cikgu Hamini melayan anak murid mereka.

[3 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** perwatakan yang ada pada Cikgu Zaleha dan Cikgu Hamimi.

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang murid dapat menunjukkan rasa hormat kepada guru-guru? **KBAT** Menilai

[4 markah]